

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM TAHUNAN DATUK BANDAR DI NIRWANA BALLROOM, HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR PADA 1HB MAC, 1975

Yang Berbahagia Datuk Bandar, Tan Sri Yaacob Latiff dan Puan Sri Rahmah, Y.B. Menteri-Menteri, Dif-dif terhormat, tuan-tuan dan puan-puan.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Datuk Bandar dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang telah sudi menjemput saya dan isteri saya hadir di majlis Makan Malam Tahunan yang permai ini.

Seperti kita semua maklum, pada i haribulan Februari, yang lalu, genaplah setahun Wilayah Persekutuan ditubuhkan. Ini bermakna Ibu Negara kita dibawah pentadbiran yang baru hanya berumur setahun sahaja.

Pada jamuan makan malam tahun yang lalu, saya telah menerangkan dengan panjang lebar berkenaan dengan keadaan ekonomi negara dan dasar luar negara kita. Saya telah sebutkan iaitu kita sedang menghadapi inflasi tetapi dengan langkah-langkah tegas yang Kerajaan sedang ambil, saya yakin tekanan inflasi itu telah dapat diredakan.

Berkenaan hal luar negeri, saya telah tegaskan iaitu kita telah sampai ke kemuncak kejayaan dasar luar kerana tidak berapa lama selepas jamuan itu saya telah membuat lawatan ke negara Republik Rakyat China untuk mengadakan perhubungan diplomatik dengan negara itu. Begitu juga, kemudian daripada itu, dalam bulan Jun kita telah mengadakan Persidangan Menteri-Menteri Luar Negara-negara Islam di Kuala Lumpur. Kedua-dua peristiwa yang penting dan bersejarah ini adalah memberi Malaysia tempat yang tinggi di kalangan negara-negara di dunia baik negara-negara besar mahupun negara-negara Islam ataupun negara-negara yang lain.

Pada masa itu juga ada terbuku dalam hati saya berkenaan pilihanraya umum yang mustahak diadakan tidak berapa lama

selepas daripada majlis jamuan tahunan itu. Tentulah saya tak dapat menyatakan apa yang ada dalam ingatan saya pada masa itu kerana masalah pilihanraya ini mestilah dirahsiakan sehingga pada sa'at yang akhir. Akan tetapi, menurut analisa dan pendapat saya sendiri, kita perlu mengadakan pilihanraya umum itu dalam tahun 1974 sungguhpun masanya belum dapat ditetapkan lagi.

Alhamdulillah, syukur kepada Tuhan, kita telah dapat mengadakan pilihanraya umum pada bulan Ogos tahun lalu dalam keadaan yang aman dan tenteram dan dapat menunjukkan kepada dunia bahawa kita di Malaysia adalah matang mengamalkan demokrasi yang kita junjung tinggi itu. Bahkan kejayaan kita mengadakan pilihanraya umum dalam suasana yang tenteram dan baik itu telah dapat menghapuskan semua sekali kesan Peristiwa 13 Mei yang telah mencemarkan nama baik negara kita itu.

Saya bersyukur ke hadrat Tuhan kerana dalam pilihanraya itu rakyat Malaysia telah memberi mandat yang besar kepada Kerajaan yang saya pimpin untuk meneruskan perkhidmatan kepada negara kita. It was a matter of great satisfaction for me that the people have given a fresh and renewed mandate to Barisan Nasional to continue to serve the people. We were able not only to form the Government at the Centre but also in all the States with unprecedented majority. If not for this good fortune, Datuk Bandar, I would not be able to be with you once tonight at your annual banquet. We must, therefore, both be thankful to Allah that the people have shown such undoubted and clear confidence in the Barisan Nasional that we are able once again to be at this pleasant and enjoyable evening.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sungguhpun dengan langkah-langkah yang tegas yang diambil oleh Kerajaan dan dengan kerjasama rakyat jelata daripada semua peringkat kita telah berjaya meredakan tekanan inflasi, akan tetapi baru-baru ini kita terpaksa menghadapi satu lagi masalah yang besar iaitu kemerosotan ekonomi atau recession. Recession adalah menyebabkan negara-negara yang maju tidak dapat membeli barang-barang mentah yang kita keluarkan dengan banyaknya khasnya getah dan kayu kayan seperti biasa dan harga barang-barang ini telah jatuh.

Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengawal harga getah dan dengan adanya rancangan stockpile dengan kerjasama

negara-negara jiran iaitu Indonesia, Thailand dan Sri Lanka, kita berharap akan dapat mempertahankan harga getah daripada jatuh terlalu rendah yang akan menyusahkan rakyat di kampung-kampung yang bergantung pendapatan mereka kepada getah. Keadaan recession ini masih berada dengan kita dan kita belum nampak lagi tanda-tanda yang recession ini akan reda.

There is no sign across the horizon that the dark clouds of recession will be lifted in the near future. We, therefore, have to face this problem for some time yet to come and I ask all our people in all walks of life to stand by the Government in facing this difficult economic situation which is beyond our means. Indeed, in many cases, we have to curtail expenditure in the face of present difficult and uncertain world economic situation.

In his address to CUEPACS yesterday, the Deputy Prime Minister and Minister of Finance¹ had reminded members of CUEPACS that whilst the Government sympathises with its employees in the lower income groups, there is a limit to the expenditure which the Government can afford. I would, therefore, ask everyone to be considerate and to help the Government in these difficult times. As I said, we cannot allow the Government to live beyond its means under any circumstances and if we are not able to curtail expenditure in the face of falling export earnings, we may have to resort to measures which will bring serious consequences.

It will, therefore, be the duty of the Government to curtail as much as possible unnecessary expenditure while at the same time proceeding with economic development in order to sustain the growth of the economy. At present, it is difficult to forecast how long this recession will last; indeed, no one can do so with any measure of accuracy and this state of affairs is faced not only by us in Malaysia but by all other countries of the world.

Datuk Bandar,

Berpaling pula kepada keadaan luar negeri, saya masih dukacita iaitu masalah-masalah dunia yang menyebabkan ketegangan diantara negara-negara belum lagi dapat diselesaikan. Keadaan di

1 Datuk Hussein Onn.

Timur Tengah masih membimbangkan kita. Oleh itu, kita berada dalam keadaan dunia yang tidak tetap "uncertain" dan peperangan masih berjalan di wilayah kita di Tenggara Asia. Kita berharap rakyat di Vietnam dan Khmer dapat menyelesaikan pertelingkahan mereka dengan cara aman dan memberhentikan pergaduhan yang membawa penderitaan kepada rakyat di negara-negara itu berpuluh tahun lamanya.

Malaysia akan meneruskan dasar luarnya yang bebas dan berkecuali dan kita akan meneruskan konsep kita hendak menjadikan wilayah Tenggara Asia sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali. Oleh itu Persatuan Negara-negara Tenggara Asia atau ASEAN mustahaklah diperkukuhkan supaya dapat menjadi asas bagi kita membina wilayah yang kita cita-citakan itu.

Pada bulan Mei ini, kita akan menjadi tuan rumah kepada persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN dan kita sukacita dan besar hati menyambut sahabat-sahabat kita dari Indonesia, Singapura, Filipina dan Thailand dan kita berharap persidangan ini akan membawa ASEAN ke tingkatan kemajuan yang lebih besar dan lebih luas lagi.

Datuk Bandar, tuan-tuan dan Puan-puan,

Berpaling pula kepada Wilayah Persekutuan, saya sukacita bahawa dari sehari ke sehari Kuala Lumpur telah menjadi bandar tumpuan bagi persidangan-persidangan antarabangsa. Baru-baru ini kita telah mengadakan Simposium mengenai Tenaga, Sumber dan Alam Sekitar — "Symposium On Energy, Resources and Environment" — dan pada petang tadi kita telah menyaksikan pembukaan rasmi Pertandingan Hoki Piala Dunia Yang Ketiga. Ini adalah membuktikan bahawa Kuala Lumpur mempunyai taraf yang tinggi kepada pandangan antarabangsa dan memandang kepada penumpuan berbagai persidangan dan aktiviti-aktiviti ini, nyatalah Kuala Lumpur telah menjadi dan diterima sebagai 'Convention City' yang terkenal di dunia sebelah sini.

Saya berharap Dewan Bandaraya, Perbadanan Kemajuan Pelancungan, Pertubuhan-pertubuhan dan pihak swasta juga akan mengambil langkah untuk merancang dan melengkapkan Kuala Lumpur sesuai bagi memainkan peranannya sebagai sebuah Bandaraya yang bertaraf antarabangsa yang utama.

Datuk Bandar,

Pada akhir tahun lalu, Majlis Perhubungan Masyarakat telah dilancarkan di Kuala Lumpur sebagai tempat yang pertama. Dengan tertubuhnya Majlis Perhubungan Masyarakat diperingkat Wilayah dan dengan adanya Jawatankuasa-jawatankuasa diperingkat Daerah dan Kawasan, saya berharap perhubungan dan perpaduan diantara rakyat berbilang bangsa di Wilayah Persekutuan ini dapat diperkuat dan dipelihara. Begitu juga saya berharap Majlis Perhubungan Masyarakat ini akan menjadi satu alat untuk "citizen participation" dalam pentadbiran Bandaraya sambil kita membentuk satu masyarakat yang adil dan bersatu padu di Wilayah ini — iaitu masyarakat yang kita kehendaki.

Datuk Bandar,

Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Malaysia dan sebagai Bandaraya yang berkembang maju tak dapat tiada terpaksa menghadapi masalah-masalah sosio-ekonomi. Satu masalah yang timbul dan menjadi sungutan penduduk-penduduk disekitar Wilayah ini ialah masalah Lalulintas dan pengangkutan awam.

Saya telah memberi arahan kepada Kementerian Pengangkutan dan Kerjaraya supaya bersama-sama dengan Dewan Bandaraya mengatasi masalah ini. Nyatalah kita mesti mengadakan pengangkutan awam atau public transport dengan lebih banyak lagi. Begitu juga keadaan lalu lintas di Bandaraya ini perlu dibaiki untuk hendak mengatasi kesesakan pada "peak hours". Rancangan-rancangan bagi mengatasi masalah ini tentu akan mengambil masa sedikit bagi melaksanakannya akan tetapi saya berharap penduduk khususnya yang tinggal di sekitar Bandaraya ini yang terpaksa berulang alik ke Bandaraya supaya memberi kerjasama kepada Kerajaan. Kita dapati terlalu banyak motokar keluar masuk dalam Bandaraya ini membawa pegawai-pegawai dan orang-orang bekerja dan kebanyakan motokar ini adalah digunakan oleh seorang atau dua orang sebuah. Ini bukan saja membanyakkan bilangan motokar yang terpaksa digunakan bahkan adalah membanyakkan perbelanjaan. Oleh itu saya berharap kepada Pegawai-pegawai Kerajaan dan juga mereka yang bekerja di lapangan swasta supaya mengadakan perkongsian menggunakan motokar untuk berulangalik dari tempat bekerja mereka. Dengan cara ini kita dapat mengurangkan sedikit bilangan motokar yang lalu lintas di masa "peak hours" di Kuala Lumpur.

Datuk Bandar,

Pada jamuan tahun lalu, saya telah menyebutkan berkenaan masalah perumahan dan saya fikir kita perlu mengadakan banyak lagi rumah-rumah untuk pekerja-pekerja khususnya mereka yang berpendapatan rendah. We need to provide more houses for our employees in particular to our industrial workers. With our programme of rapid industrialisation, it is necessary for us to provide amenities to meet the social needs of the workers. On the part of the Government and also Bandaraya, we need to provide as you rightly said more houses for the lower income groups as the squatters is still very much a problem to us. I am glad Bandaraya is fully aware of the problem and is taking appropriate measures to overcome it.

Datuk Bandar,

Dengan terpisahnya Wilayah Persekutuan daripada Negeri Selangor, saya berharap jentera pentadbiran bagi Wilayah ini yang ada sekarang dan sedang ditubuhkan akan dapat benar-benar disesuaikan untuk kepentingan dan kesenangan rakyat. I do hope that the administration of Bandaraya which is being reorganised as a result of the separation from the State of Selangor will be so oriented as to provide an efficient and dedicated service to the public.

Datuk Bandar,

Saya telah bercakap dengan panjang lebar diatas masalah-masalah negara, masalah kemerosotan ekonomi yang kita hadapi masalah international dan masalah Bandaraya. Saya suka tegaskan disini bahawa masalah-masalah yang kita hadapi ini adalah masalah yang sama yang sedang dihadapi oleh semua negara yang membangun di dunia ini.

I have spoken at great length on various matters — national, international as well as matters connected with Bandaraya. But all these problems we are facing today are problems common to all developing countries of the Third World. We can say with confidence that, compared with many of these countries, we are in a far more fortunate position. We still have large tracks of land which are fertile which can be planted with foodstuffs. With our Gerakan Bumijaya or Buku Hijau, I am convinced that in the near

future Malaysia will be able not only to be self-supporting in food-stuffs but will be able to export our foodstuffs to several neighbouring countries.

Saya bangga dengan sambutan yang telah diberi oleh rakyat kepada langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah inflasi dan juga kemerosotan ekonomi khususnya rancangan Buku Hijau. Saya yakin dan percaya, dengan izin Tuhan, bahawa dengan berjayanya langkah-langkah ini, masalah yang kita hadapi akan dapat diatasi dan Malaysia akan terus maju dan menjadi sebuah negara yang makmur dan bahagia. Tetapi dalam masa kegentingan ekonomi yang semacam ini, mustahaklah kita berkorban sedikit sebanyak untuk kesenangan dan kebahagiaan pada masa hadapan.

Datuk Bandar, tuan-tuan dan puan-puan,

Saya sukacita menegaskan sekali lagi iaitu dalam setahun yang lalu sungguhpun kita menghadapi kesulitan-kesulitan dan cabaran-cabaran yang rumit, negara kita Malaysia berada dalam keadaan baik, aman dan tenteram. Saya yakin dan percaya dengan kerjasama dan sokongan rakyat daripada semua bangsa dan lapisan di negara kita seperti yang ditunjuk dalam Pilihanraya Umum yang lalu, Kerajaan yang saya ketuai hari ini dapat memimpin rakyat ke masa hadapan yang lebih cemerlang dan bahagia.

Sekianlah sahaja, saya sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih diatas jamuan yang permai dan meriah ini.